

06 NOV 1998

MAHATHIR RASMI SAMBUTAN HARI PENGGUNA SEDUNIA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia di Dewan Muktamar Pusat Islam di sini.

Tema sambutan tahun ini ialah "Bijak Berbelanja Untuk Negara".

Dalam kata-kata aluan buku cenderamata sambutan itu, Dr Mahathir berkata pengguna sentiasa perlu mengamalkan sikap belanja berhemah, berjimat-cermat dan membeli barang keperluan sahaja tanpa membazir.

"Kita seharusnya dapat menguasai sepenuhnya kuasa beli yang ada pada kita dan menggunakannya dengan penuh bijaksana dan rasional," katanya.

Peniaga pula diingatkan supaya lebih mengutamakan etika perniagaan yang baik dan melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap pengguna dalam urusan perniagaan mereka.

Sambutan Hari Pengguna Sedunia diraikan pada 15 Mac setiap tahun oleh "Pertubuhan Antarabangsa Kesatuan-kesatuan Pengguna" yang kini dikenali sebagai "Consumers International (CI)".

-- BERNAMA

AFY PR